

TAJUK

PART (1)

Contoh Tugasan  
Sejarah PT3 2018

# Kajian Tentang Masyarakat di tempat tinggal saya Old Town Petaling Jaya

Ditulis oleh : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_

No. Kp : \_\_\_\_\_

Angka Giliran : \_\_\_\_\_

\*Contoh tugas ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar membuat tugas sendiri. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat. Sumber rujukan

**yang dipetik perlu dinyatakan. Pelajar hanya perlu mengolah semula maklumat dengan ayat sendiri.**

## 1.2 JADUAL KERJA / SENARAI SEMAK

Bil	Perkara	Halaman	Tarikh	Tandatangan
1.0	Taklimat	1		
1.1	Tajuk kajian	2		
1.2	Jadual kerja	3		
1.3	Objektif kajian	4		
1.4	Kaedah kajian	5		
2.1	Mengumpul maklumat	6		
2.2	Kerangka kasar penulisan	7		
3.1	Pengenalan	9		
3.2	Pembentukan dan perkembangan masyarakat setempat	13		
3.3	Kegiatan sosioekonomi masyarakat setempat	15		
3.4	Perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat	18		
3.5	Ulasan hasrat tokoh	19		
3.6	Rumusan	10		
3.7	Rujukan	21		

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Saya menjalankan kajian ini bagi Kerja Kursus Sejarah adalah untuk mengkaji tentang masyarakat di kawasan tempat tinggal saya. Melalui kajian ini saya dapat memenuhi objektif berikut:

- a) Kajian ini dilakukan secara amnya ialah untuk mengenal pasti sumber-sumber sejarah yang sahih. Ini akan dapat membantu saya membuat satu kajian ilmiah dengan tatacara yang betul, sistematik dan tepat.
- b) Kajian ini dapat menambah pengetahuan sejarah tentang masyarakat di tempat tinggal saya ini serta dapat memupuk perasaan bangga terhadap tanah air kita. Kajian ini juga dapat menyedarkan tentang betapa pentingnya hidup secara harmoni dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.
- c) Dengan membuat kajian ini, saya dapat mengambil iktibar daripada pembentukan dan perkembangan berlaku dalam masyarakat tersebut. Kajian ini menyedarkan saya bahawa perpaduan di kalangan masyarakat adalah penting untuk pembangunan dan kemajuan sesuatu masyarakat.
- d) Diharap kajian ini dapat memupuk semangat patriotisme bukan sahaja dalam diri saya malah juga dalam kalangan generasi muda dan seterusnya meledakkan masyarakat ke aras yang lebih tinggi.

## **1.4 KAEADAH KAJIAN**

Sebanyak 5 kaedah kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan bersistematis.

### **i. Kaedah analisis dokumen**

Saya juga turut merujuk dokumen dari ..... untuk memastikan kesahkan fakta yang ada. Dengan ini, penulisan kajian saya tidak akan diragui akan kebenarannya.

### **ii. Kaedah penyelidikan perpustakaan**

Saya juga turut mengunjungi perpustakaan ..... untuk menjalankan penyelidikan sumber-sumber yang ada di situ. Dengan penyelidikan sumber yang pelbagai seperti buku ilmiah, akhbar, majalah dan sebagainya akan menguatkan lagi kajian saya.

### **iii. Muat turun internet**

Saya turut menggunakan kemudahan ict yang terdapat dalam negara kita dengan melayari laman sesawang produkyang dikaji malah turut memuat turun bahan yang terdapat sebagai rujukan.

### **iv. Bimbingan Guru**

Saya telah mendapat bimbingan guru, iaitu Puan .....

### **v. Temubual**

Kaedah yang saya jalankan dalam menyiapkan kerja kursus ini antaranya ialah dengan menggunakan kaedah lisan iaitu melalui temubual dengan orang sumber saya yang tinggal di Pekan Lama, Petaling Jaya. Beliau banyak memberi maklumat tentang kawasan tersebut.

## 2.1 MENGUMPUL MAKLUMAT

\*Pelajar perlu melampirkan fotokopi potongan akhbar / majalah / rencana/ halaman buku, gambar-gambar foto, risalah atau sumber-sumber lain.

### a) BUKU ILMIAH

- Nama Pengarang : J.M Gullick
- Tahun Terbit : 1994
- Tajuk Buku : Images of Asia, “Old Kuala Lumpur”
- Tempat Terbit : New York, United States.
- Penerbit : Oxford University Press

### b) AKHBAR

- Nama Akhbar : Sunday Metro
- Tarikh : 8 Februari 2009
- Halaman : 6

### c) MAJALAH

- Nama majalah : Virtual Malaysia
- Tarikh : 4 Oktober 2007
- Halaman : 78

d) **INTERNET**

- Old Town Petaling Jaya, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling\\_Jaya](https://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling_Jaya)
- <http://www.mbpj.gov.my/ms/pelawat/info-bandar/page/0/1>

e) **ORANG SUMBER**

• Nama :xxxxxx

Umur :xxxxx

Alamat :xxxxx

f) **TELEVISYEN**

• Tajuk program :Ezzy Sunday: Kembara Destinasi

Tarikh :19 April 2009

Masa :11.00 -11.30 pagi

Rangkaian :RTM

## LAPORAN TEMUBUAL BERSAMA ORANG SUMBER

Saya telah menemubual seorang responden di ‘Old Town’ Petaling Jaya. Nama beliau ialah xxxxxxxxxxxxxxxx.Beliau tinggal di xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx

Beliau telah menceritakan serba sedikit mengenai asal usul ‘Old Town’ Petaling Jaya.

---

---

---

Beliau juga menyatakan \_\_\_\_\_

---

---

---

Mengikut kata beliau, \_\_\_\_\_

---

---

---

Setakat ini sahajalah yang saya dapat peroleh hasil daripada temubual saya bersama responden

\* Laporan di atas boleh ditulis dalam bentuk dialog (soal-jawab).

## 2.2 KERANGKA KASAR PENULISAN


Bil.	Tugasan	Butir
1.	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memperkenalkan kawasan tempat tinggal</li> <li>- Lokasi tempat tersebut.</li> <li>- Sebab penubuhan</li> </ul>
2.	Pembentukan dan perkembangan masyarakat setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Asal-usul</li> <li>- Perkembangan</li> <li>- Kaum, populasi, petempatan</li> </ul>
3.	Kegiatan sosioekonomi masyarakat setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Agama / perayaaan / kebudayaan</li> <li>- pekerjaan</li> </ul>
4.	Perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Contoh-contoh aktiviti kemasyarakatan.</li> <li>- Gotong-royong, rukun tetangga</li> <li>- Kempen kebajikan</li> <li>- Sukan</li> </ul>
5.	Ulasan hasrat tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bak kata pepatah ‘hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri’.</li> </ul>
6.	Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesemua di atas</li> <li>- Bersyukur, asal-usul, nilai murni</li> <li>- Harapan</li> <li>-</li> </ul>
7.	Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lampiran buku</li> <li>- Surat khabar / majalah</li> <li>- Internet</li> <li>- Orang sumber / TV</li> </ul>

\*\*/Pelajar perlu menulis butir secara ringkas kerangka kasar ini.

### 3.1 PENGENALAN



Kawasan Petempatan 'Old Town' Petaling Jaya



Peta 'Old Town' Petaling Jaya

Petaling Jaya asalnya sebuah kebun getah (The Effingham Estate) seluas 1200 ekar di Jalan Klang Lama. Petaling Jaya dibina untuk mengatasi masalah kesesakan Kuala Lumpur akibat pertambahan penduduk pada awal tahun 50an.

Pada tahun 1952, penubuhan Petaling Jaya bermula di pekan ‘Old Town’ dengan pembinaan deretan rumah-rumah kedai, balai raya, panggung wayang, stesen bas dan sebagainya.

Dua jalanraya utama yang pertama dibina ialah Jalan Templer dan Jalan Othman. Kawasan ‘Old Town’ yang seluas 20.12 kilometer persegi meliputi seksyen 1 hingga seksyen 8.

Bandar satelit Kuala Lumpur ini dinamakan ‘Jaya’ dengan harapan akan menjadi sebuah bandar yang berjaya kelak.

### **3.2 PEMBENTUKAN DAN PERKEMBANGAN MASYARAKT SETEMPAT**

Akibat penghijrahan penduduk dari luar dan pembukaan kawasan perindustrian di sepanjang Jalan Penchala, ‘Old Town’ telah berkembang dari sebuah pekan kecil menjadi bandar Petaling Jaya yang maju.

Kawasan perumahan di Old Town yang kebanyakannya rumah kos rendah telah dikelilingi oleh rumah banglo dan kondominium mewah yang wujud bagai cendawan tumbuh selepas hujan terutama di kawasan Seksyen 5 (Bukit Gasing).

Hari ini sempadan Petaling Jaya yang asalnya terdiri daripada seksyen 1 hingga 8 telah berkembang sehingga seksyen 52, daerah SS, PJS dan PJU.

Pada 20 Jun 2006, Petaling Jaya mendapat status bandar dan majlis tempatan bertukar nama kepada Majlis Bandaran Petaling Jaya (MBPJ).



Stesen Bus, Jalan Othman

Antara perkembangan yang jelas berlaku adalah pemindahan pasar lama di Jalan 21 ke pasar besar baharu di Jalan Othman. Stesen bas yang lama telah dirobohkan dan dibina dengan Stesen Bas baharu yang moden dan canggih.

Penempatan rumah kedai lama di sepanjang Jalan Othman telah diganti dengan kedai pejabat 3 tingkat yang baharu. Akibat perkembang pesat pekan ‘Old Town’, pelbagai perniagaan baharu turut muncul seperti pembankuan, pusat tuisyen, kedai roti yang berlainan daripada perniagaan asal seperti kedai kain dan barang rumah. ‘Menara Majestic’ yang megah telah dibina di tapak lama panggung wayang. Bank UOB lima tingkat juga tersegam indah di tepi stesen bas ‘Old Town’.



Menara Majestic di Old Town, Petaling Jaya



Bank UOB, Old Town, Petaling Jaya

### 3.3 KEGIATAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT

Kegiatan sosial ekonomi pekan ‘Old Town’ terbahagi kepada dua iaitu aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial.



*Medan Selera Petaling Jaya*

#### Aktiviti ekonomi / pekerjaan / perniagaan

Sejak awal lagi rata-rata masyarakat ‘Old Town’ terlibat dalam pekerjaan menjual barang / makanan seperti perkedai, peruncit atau penjaja yang masih kekal sehingga kini. Ini jelas kelihatan dengan gerai makanan yang bertaburan di Medan Selera Petaling Jaya ‘Old Town’, ‘Pasar Old Town’, Jalann 1/12, sepanjang Jalan 21 dan Jalan Othman.

Sebahagian besar masyarakat juga terlibat dalam pekerjaan perkhidmatan seperti pekerja bank, guru, peguam, pemandu, mekanik dan doktor. Ini dapat dilihat dengan kewujudan bank-bank perdagangan, kilang-kilang, pusat-pusat tuisyen dan sekolah-sekolah yang berdekatan. Bilang penduduk semakin bertambah sebab akibat peluang-peluang pekerjaan yang banyak.

#### Kehidupan sosial / kualiti hidup

Sosioekonomi masyarakat bertambah maju selari dengan perkembangan pekan ‘Old Town’. Kilang-kilang seperti Colgate Palmolive, Panasonic....dan sebagainya mneawarkan peluang pekerjaan yang banyak dan sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

Kuasa membeli masyarakat ‘Old Town’ juga meningkat akibat pendapatan per kapita yang tinggi. Ini terbukti dengan pembukaan pelbagai pusat membeli-belah yang kelihatan seperti Amcorp Mall, Jaya 33 yang berdekatan pekan ‘Old Town’.

Kehidupan masyarakat ‘Old Town’ semakin mewah dengan pelbagai prasarana yang lengkap seperti Perpustakaan Komuniti, Arena Sukan, Hospital Assunta, Taman Jaya, bas berhawa dingin, komuter dan sebagainya. Masyarakat setempat dapat menaiki LRT ulang-alik dari Taman Jaya ke Bandaraya Kuala Lumpur.

Masyarakat ‘Old Town’ hidup harmoni walaupun terdiri daripada pelbagai kaum. Masing-masing menganuti agama sendiri dengan tolerensi dan ini terbukti dengan pelbagai jenis rumah ibadat yang terbina di pekan‘Old Town’.

Walaupun bagaimanapun terdapat juga sedikit masalah sosial yang tidak hilang seperti perjudian, dadah, vandalism dan sebagainya.

### **3.4 PERPADUAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT SETEMPAT**

Masyarakat ‘Old Town’ sememangnya hidup bersatu padu. Walaupun terdiri daripada masyarakat majmuk dan dibanjiri dengan pekerja asing seperti ‘Bangla’ dan ‘Indon’, tetapi masing-masing hidup dengan harmoni. Setiap kaum dapat beribadat di tempat ibadat masing-masing dengan selamat. Gerai-gerai, kedai-kedai mahupun pusat-pusat tuisyen turut dikunjungi oleh pelbagai kaum. Masing-masing dapat berurus niaga tanpa mengira warna kulit.

Aktiviti kemasyarakatan anjuran MBPJ seperti ‘Pesta Tanglung’, gotong-royong, program mesra rakyat dan sebagainya. Semuanya mendapat sambutan meriah. Bukti terbaik ialah program menanam pokok di Taman Jaya yang berjaya menanam 103,811 pokok. Ini adalah hasil usaha perpaduan masyarakat ‘Old Town’.

### 3.5 ULASAN HASRAT TOKOH

“Tinggallah dengan baik antara satu dengan lain kerana negeri ini adalah berlainan dengan mana-mana negeri yang ada di dunia ini.” Ucapan Tunku Abdul Rahman.

Ucapan Tunku Abdul Rahman di atas terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama iaitu, “negeri ini adalah berlainan dengan mana-mana negeri yang ada di dunia ini,” bermaksud negara kita mempunyai keunikannya yang tersendiri. Mari kita ambil masyarakat ‘Old Town’ sebagai contohnya.

Masyarakat ‘Old Town’ adalah sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum. Masing-masing menganuti agama yang berlainan dan mempunyai pelbagai budaya yang unik dan tersendiri. Ini jelas kelihatan dengan gerai-gerai atau kedai-kedai makanan yang menawarkan pelbagai jenis masakan kaum yang berlainan. Tidak hairanlah masyarakat ‘Old Town’ bukan sahaja mempunyai pakainan tradisi yang berlainan malah sambutan hari perayaan juga berlainan.

Bahagian kedua ulasan Tunku Abdul Rahman, “tinggallah dengan baik antara satu sama dengan lain....,” bermaksud kita mesti hidup bersatu dan bekerjasama bagai aur dengan tebing. Sebagai contohnya, masyarakat pelbagai kaum setempat bukan sahaja hidup harmoni dengan antara satu kaum yang lain malah dengan para pekerja asing juga, dengan demikian termakbulah hasrat Tunku Abdul Rahman untuk membina masyarakat yang berjaya dan ke arah negara yang kekal berdaulat.

Sebenarnya hasrat Tunku Abdul Rahman adakah agar negara kita berdaulat dan dicintai seperti pepatah melayu ‘ Hujan emas di negeri arang, hujan batu di negeri sendiri,’ betapa baiknya negeri arang, baik juga negeri sendiri.

### 3.6 RUMUSAN

Saya berbangga kerana berjaya menyiapkan tugasan sejarah ini dengan baik. Ketika membuat tugasan sejarah ini, banyak pengetahuan telah saya perolehi secara langsung dan tidak langsung.

Pertama, saya dapat mengetahui asal usul masyarakat, pembentukan dan perkembangan masyarakat setempat. Saya juga memahami masalah sosioekonomi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

Secara tidak langsung, nilai-nilai murni seperti bekerjasama, hormat-menghormati dan sebagainya dapat dipupuk dalam jiwa pelajar. Hubungan silaturrahim antara para pelajar juga bertambah erat semasa melaksanakan tugasan ini.

Tugasan sejarah ini juga menyemarakkan semangat patriotik di kalangan pelajar. Sebagai warga Malaysia, saya berbangga sekali dengan tanah tumpah darahku dengan harapan negara terus maju dan makmur.

**\*Pelajar juga boleh menyatakan kepentingan kajian tugasan ini.**

### 3.8 RUJUKAN

#### Buku Ilmiah

#### Majalah

#### Akhbar

Berita Petaling Jaya, Oktober 2013,  
<http://eps.mbpj.gov.my/BeritaPJ2013/BeritaPJokt2013.pdf>

#### Orang Sumber

xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx

#### Internet

Old Town Petaling Jaya, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling\\_Jaya](https://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling_Jaya)

Old Town Petaling Jaya, <http://www.mbpj.gov.my/ms/pelawat/info-bandar/page/0/1>

Keunikan penduduknya yang berbilang kaum dan budaya  
<https://sites.google.com/site/psktahun42012/tema-5/sejarah-malaysia/keunikan-penduduknya-yang-berbilang-kaum-dan-budaya>

#### Televisyen

Fazry St

**\*\*\* Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagat. Gunakan tips ini sebagai panduan.**

**Get our 100% exam tips (PT3)  
for BM, BI, Mathematics, Science &  
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now**

**via [www.andrewchoo.com.my](http://www.andrewchoo.com.my)**

**or**

**Join our LIVE Seminar PT3  
at University Malaya  
on 2 September 2018 (Sun)\*\***

**WWW.X**